



KENYATAAN TENDER

**KERJA-KERJA MEMBINA DAN MENYIAPKAN STESEN MINYAK PETRON DI ATAS PT 12958 HSD 11960 DI PRESINT 5, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
NO. TENDER : PPj/T/JR/67/2024**

1. Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor/Syarikat Tempatan yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dan mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam gred kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini, serta keupayaan teknikal dan kewangan yang mencukupi bagi melaksanakan projek tersebut di atas.
2. Tender serta kelayakan asas Kontraktor/Syarikat adalah seperti berikut:

SYARAT MEMASUKI TENDER	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT / LAWATAN TAPAK	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN MULA DIJUAL	HARGA DOKUMEN DAN BENTUK BAYARAN	TARIKH, WAKTU & TEMPAT TENDER TUTUP
<p>Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)</p> <p>Gred : G5</p> <p>Kategori : B dan CE</p> <p>Pengkhususan :</p> <p>B04 (Kerja-Kerja Pembinaan Bangunan)</p> <p>Dan</p> <p>CE21 (Pembinaan Kejuteraan Awam)</p>	<p>16 Oktober 2024 (Rabu)</p> <p>9.30 pagi</p> <p>TAKLIMAT:</p> <p>Bilik Mesyuarat Dahlia, Blok D, Aras 5, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675, Wilayah Persekutuan Putrajaya</p> <p>(DIWAJIBKAN)</p>	<p>16 Oktober 2024 (Rabu)</p> <p>sehingga</p> <p>29 Oktober 2024 (Selasa)</p> <p>Kaunter Perolehan, Aras 3, Bangunan Annexe Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya</p>	<p>Ringgit Malaysia RM 100.00 (Tidak dikembalikan)</p> <p>Kad Debit & Kredit / Maybank QRPay & E-Wallet (TnGo, Boost, Grabpay) / Perbankan Internet</p>	<p>19 November 2024 (Selasa)</p> <p>12.00 tengah hari</p> <p>Kaunter Perolehan, Aras 3, Bangunan Annexe Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya</p>

3. Kontraktor/Syarikat juga mesti memenuhi kriteria kelayakan seperti **berpengalaman dalam bidang berkaitan dan pernah menyiapkan kerja-kerja dalam bidang berkaitan bagi satu (1) kontrak dalam tempoh lima (5) tahun terdahulu.**
4. Dokumen Meja Tender boleh disemak dan Dokumen Tender boleh diperolehi di pejabat tersebut pada waktu pejabat.
5. Taklimat tender akan diadakan pada **16 Oktober 2024 (Rabu), 9.30 pagi** di **Bilik Mesyuarat Dahlia, Blok D Aras 5, Kompleks Perbadanan Kompleks Perbadanan Putrajaya.** Kehadiran pemilik/pengarah syarikat atau pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam SPKK adalah **DIWAJIBKAN.** Sila bawa bersama **Sijil PPK, SPKK/Sijil PUKONSA/Sijil UPKJ dan Cap Syarikat.**
6. Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada Kontraktor/Syarikat yang menghadiri taklimat tersebut dan hanya wakil Kontraktor/Syarikat yang sah sahaja dibenarkan untuk membeli dokumen. Wakil Kontraktor/Syarikat juga hendaklah membawa **Surat Wakil Kuasa (Asal)** yang ditandatangani pemilik/pengarah syarikat atau pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam SPKK dan **satu (1) Salinan Sijil PPK dan SPKK/Sijil PUKONSA/Sijil UPKJ.**
7. Tender ini akan ditutup pada **19 November 2024** bersamaan hari **Selasa, jam 12.00 tengah hari.** Dokumen Tender yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri serta bertanda dengan tajuk tender. Dokumen yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender yang dikhaskan di tempat dan sebelum waktu yang ditetapkan seperti di atas.
8. Kontraktor/Syarikat hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan tender ini. Pembayaran secara cek persendirian untuk Dokumen Tender tidak akan diterima. Bayaran Dokumen Tender tidak akan dikembalikan.